

21 SEP 2003

JAMALUDIN-PELABUR/I

JAMALUDIN UKUR MINAT TERHADAP SUKUK DARIPADA PELABUR GLOBAL

Oleh: Mohd Arshi Daud

DUBAI (Emiriah Arab Bersatu), 21 Sept (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis akan bertemu selurang-kurangnya 17 pelabur antarabangsa di luar mesyuarat Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di sini untuk mengukur minat mereka terhadap penerbitan bon berdaulat Islam kedua atau Sukuk.

Antara pelabur yang dijadualkan ditemui Jamaludin pada hari Ahad dan Isnin termasuk mereka dari institusi kewangan utama seperti Barclays, BNP Paribas, Credit Suisse First Boston, Daiwa Securities, HSBC, Morgan Stanley, Standard Chartered, Merrill Lynch dan UBS AG.

"Saya akan menemui mereka untuk mengukuhkan keyakinan mereka terhadap ekonomi kita dan untuk mengukur minat mereka terhadap penerbitan-penerbitan bon berdaulat Islam di masa hadapan."

"Sebenarnya kita belum buat keputusan untuk menerbitkan Sukuk kedua kerana sumber dalaman mencukupi. Sebarang penerbitan pada masa hadapan adalah bagi tujuan penandaan aras," katanya kepada wartawan Malaysia di luar mesyuarat Bank Dunia/IMF di sini pada hari Ahad.

Jamaludin berada di sini bagi menghadiri mesyuarat Mata wang dan Kewangan Antarabangsa sebelum mesyuarat tahunan Bank Dunia/IMF pada minggu ini.

Dalam tahun 2002, kerajaan Malaysia menerbitkan bon Sukuk AS\$600 juta, yang terlebih langganan sebanyak dua kali oleh masyarakat pelaburan antarabangsa,

Menteri itu juga berkata, bagi kerajaan, ia akan mula-mula menyumberkannya daripada sumber-sumber domestik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah menyatakan bahawa kerajaan tidak akan menerbitkan bon berdaulat Islam pada tahun ini.

Kerajaan telah dilaporkan berminat menerbitkan bon Islam yang didominasi Euro pada jumlah sekitar EUR550 juta hingga EUR600 juta. --

BERNAMA

MAD MR AHM